

13 SEP 2003

MFA-JENAMA/I

MFA SAHUT SARANAN PM UNTUK LEBIH BANYAK JENAMA M'SIA

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Persatuan Francais Malaysia (MFA) hari ini menyambut baik strategi-strategi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Bajet 2004 semalam.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, pengerusi MFA Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata MFA menyokong sepenuhnya seruan Perdana Menteri untuk membina jenama Malaysia di seberang laut.

Adzmi yang juga pengarah urusan Edaran Otomobil Nasional Bhd berkata industri francais tempatan merupakan sumber terpenting bagi jenama Malaysia untuk menerajui idea beliau.

"MFA juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menggandakan dana bagi pembangunan dan penggalakkan jenama Malaysia kepada RM100 juta lagi," kata Adzmi.

Peng korporatan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Malaysia (MATRADE) merupakan satu lagi langkah terbaik kerajaan bagi mempromosikan jenama tempatan di arena antarabangsa, kata beliau.

"Peruntukan sebanyak RM100 juta bagi geran pelancaran akan menyaksikan langkah untuk mempromosikan jenama dalam negara di seberang laut. MFA akan bekerja sama dengan MATRADE bagi menerajui industri francais tempatan bagi pengembangan global," kata beliau.

Industri francais tempatan sejak tahun-tahun kebelakangan ini, menyaksikan pertumbuhan pantas dalam produk dan sistem dalam negara, yang mana antaranya telah berjaya ke lanskap antarabangsa.

Buat masa ini, MFA mengadakan promosi secara agresif francais dalam negara di ASEAN, China, India dan Timur Tengah.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perniagaan India Malaysia (MAICCI), Datuk K. Kenneth Eswaran berkata bajet berkenaan akan membantu mengukuhkan persekitaran ekonomi domestik dan terus menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing.

Bajet ini akan tentunya mewujudkan suasana ekonomi berorientasikan domestik yang akan membolehkan ekonomi Malaysia menghadapi ketidakpastian fenomena ekonomi dunia, kata beliau. -- BERNAMA

MAS FAY SD NHD